

TARIKH : 26/7/2022

SURAT KHABAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

66 syarikat salah guna PenjanaKerjaya

Kuala Lumpur: Sebanyak 66 syarikat dikenal pasti menyalah guna tuntutan Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menggunakan kaedah siasatan forensik dalaman bagi mengesan salah laku berkenaan.

"Sehingga kini, 45,379 syarikat sudah mendapat manfaat tuntutan insentif program itu yang juga sebahagian usaha untuk mengurangkan pengangguran.

"Sehingga hari ini, lebih RM2 bilion sudah dibelanjakan. Namun, tidak dinafikan ada yang terlepas pandang dengan 66 syarikat dikenal pasti ambil kesempatan dan salah guna.

"PERKESO membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mengambil tindakan tanpa mengira kedudukan dan ideologi politik," katanya.

Beliau berucap di majlis perasmian Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, di sini semalam.

Gantung bayaran RM423 juta

Pada 15 Julai lalu, PERKESO menggantung bayaran PenjanaKerjaya sebanyak RM423 juta, susulan penyelewengan dan tuntutan palsu membabitkan majikan serta penyedia latihan.

Saravanan berkata, buat julung kali ekspo kerjaya secara besar-besaran dianjurkan dengan

pembabitan 1,000 majikan yang menawarkan lebih 30,000 peluang pekerjaan.

Beliau berkata, ekspo selama lima hari sehingga Rabu ini, menyediakan banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor yang disasarkan kepada semua golongan.

"Ini termasuk graduan dan golongan rentan seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU), veteran askar, Orang Asli dan bekas banduan, juga pencari kerja umum," katanya.

Beliau berkata, program JaminKerja-Insentif Penggajian yang dikendalikan PERKESO, bertujuan menyediakan 300,000 daripada sasaran 600,000 peluang pekerjaan menerusi Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia di bawah Bajet 2022.